

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JULAI 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### TVET pemacu perubahan industri

PM mahu golongan belia, OKU diberikan peluang pekerjaan lebih baik

## TVET pemacu perubahan industri

Oleh RASDAN AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Datuk Seri Ismail Sabri berkata, bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah dikenal pasti oleh kerajaan sebagai pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan pekerja oleh industri.

Menurut Perdana Menteri, TVET merupakan salah satu cabang peluang pekerjaan dan kerajaan telah menyediakan inisiatif kepada belia seperti Jamin Kerja Keluarga Malaysia selepas melihat kepada penglibatan dan sumbangan generasi muda.

Katanya, golongan itu penting dalam memperkuuhkan semangat Keluarga Malaysia.

“Ia merangkumi dua program utama iaitu Program Latihan dan Penempatan Jangka Pendek dan Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dalam pasaran buruh.



ISMAIL SABRI (tengah) melancarkan Ekspos Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di WTC semalam.

“Selain itu, kerajaan juga menumpukan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjadikan agenda ini sebagai pemangkin dasar utama di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12),” katanya ketika berucap merasmikan Ekspos Ker-

jaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini semalam.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan juga mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kualiti hidup orang kurang upaya (OKU) melalui Pelan Tindakan 2016-

2022 dengan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik.

Tambah Perdana Menteri, sehingga kini, seramai 36,281 OKU berjaya mendapat penempatan pekerjaan menerusi program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Pertubuhan keselamatan sosial.

“Saya juga berharap program pemerkaaan ekonomi bertujuan menarik penyertaan golongan OKU dalam dunia keusahawanan wajar dipergiat,” katanya.

Dalam pada itu, sehingga 18 Julai tahun ini, Program Jamin-Kerja - Insentif Penggajian (JKIP) dan perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs telah membantu menyediakan jaminan pekerjaan kepada kira-kira 113,672 ahli Keluarga Malaysia.

Namun jelas beliau, disebabkan suasana dunia yang tidak menentu ketika ini, kerajaan setuju untuk melanjutkan tempoh program JKIP yang berakhir pada 30 Jun lalu kepada 31 Disember ini.

“Lanjutan Program JKIP ini akan menumpukan kepada pengambilan pekerja dalam kategori mudah terjejas seperti golongan OKU, wanita, individu yang hilang pekerjaan, pekerja dalam sektor pelancongan dan bekas banduan,” jelasnya.